

18 JUL 1997

Salam (Laporan khas)

MALAYSIA HULURKAN SALAM KEPADA DUNIA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Tempikan suara bagi gendrang perang kedengaran daripada sekumpulan manusia yang sedang gigih mengusung sebuah rumah milik rakan sekampung untuk dipindahkan ke tapak baru.

Sambil berjalan mereka bertempik untuk memberi semangat dan tenaga bagi mengusung rumah itu, yang melibatkan perjalanan kira-kira 4.8 km.

Suasana seumpama itu yang pernah berlaku di Perlis pada suatu ketika dahulu dan diamalkan juga di beberapa kampung lain di negara ini adalah satu contoh semangat kesukarelaan masyarakat negara ini.

Semangat itu yang juga terpancar dalam gerakan bantuan menghadapi bencana alam dan telah merentasi sempadan agama dan bangsa di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Ia yang turut merentasi sempadan antarabangsa dan kini ia akan disemarakkan lagi secara lebih teratur dan terancang melalui sebuah badan bebas bukan kerajaan.

Badan itu, yang dikenali sebagai Yayasan Salam atau ringkasnya SALAM diperbadankan pada 21 Nov 1996 dan sementara menunggu pelancaran rasminya pada 22 Julai ini, lebih 1,000 orang telah mendaftar sebagai sukarelawan SALAM.

Yayasan Salam dipengerusikan oleh diplomat tertinggi negara yang kini adalah Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA), Tan Sri Razali Ismail.

Ketua Pasukan Petugas SALAM, Encik Mohd Anuar Tahir yang ditemui pada satu temu bual berkata, yayasan itu membuka peluang kepada seluruh rakyat negara ini yang berusia 18 tahun ke atas untuk menyumbang khidmat sukarela di dalam dan di luar negara atas tajaan yayasan itu.

Setelah mendaftar sebagai sukarelawan SALAM, mereka bukan sahaja berpeluang berkhidmat secara sukarela di negara ini malah di beberapa negara di dunia yang memerlukan khidmat kemahiran dan kepakaran mereka.

"Sesuai dengan istilah sukarelawan, mereka yang terpilih untuk dihantar bertugas akan hanya diberi wang sara hidup yang sederhana dan kemudahan tempat tinggal sepanjang tugas mereka itu," katanya.

Mohd Anuar yang juga Pengerusi Pusat Inisiatif Keamanan (Cenpeace) berkata, SALAM dijelmakan hasil gabungan pemikiran pelbagai badan sukarela negara ini yang sepakat mahukan sebuah badan khas yang bebas bagi menyusun segala perkhidmatan sukarela yang dibuat oleh rakyat negara ini sama ada di dalam mahu pun di luar negara.

"Selama ini sukarelawan kita sudah ke Bosnia, Asia Tengah, Timur Tengah seperti Beirut membantu mereka yang memerlukan bantuan di khemah-khemah pelarian Palestin, Zagreb dan Sarajevo atas dasar dan semangat kemanusiaan sejagat," katanya.

Apa yang akan dilakukan oleh SALAM ialah menyumbang semangat kesukarelaan yang sudah menjadi tradisi masyarakat negara ini selain mengatur khidmat sukarela secara lebih terancang agar ia dapat memberi kesan yang diharapkan, kata Mohd Anuar yang turut mempunyai pengalaman dalam khidmat sukarela di luar negara.

Beliau berkata, Malaysia yang menuju ke status negara maju menjelang tahun 2020 dan kaya dengan sumber manusianya wajar menawarkan khidmat sukarela ini kepada negara-negara membangun lain yang sangat-sangat memerlukan bantuan.

"Kita mahu menarik seramai mungkin belia dari kalangan siswazah dan mereka yang berpengalaman, sama ada yang masih berkhidmat dengan kerajaan

atau swasta atau golongan pesara yang telah banyak melalui proses "pengkayaan diri".. inilah masa untuk memberi khidmat," katanya.

Untuk khidmat luar negara, pada peringkat permulaan, negara-negara seperti Laos, Kemboja dan Afrika Selatan telah dikenal pasti sebagai sasaran khidmat sukarelawan SALAM dan jenis khidmat yang akan diberikan akan bergantung kepada keperluan, katanya.

Beliau berkata, ada negara yang memerlukan guru bahasa Inggeris, ada yang memerlukan khidmat kesedaran kesihatan termasuk soal makanan dan ada juga yang perlu bantuan untuk membasmi buta huruf dan pembasmian kemiskinan.

Malaysia yang banyak pengalaman dalam pelbagai kegiatan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi program pembasmian kemiskinan, MARA dan program-program latihan di bawahnya seperti, sekolah vokasional, sekolah teknik selain program mewujudkan peniaga kecil dan peniaga kelas sederhana, boleh berkongsi pengalamannya dengan negara-negara yang memerlukan, katanya.

Mohd Anuar berkata, beberapa negara maju lain telah menjalankan program sukarela mereka, tetapi Malaysia tidak berhasrat menyamai mana-mana pertubuhan atau yayasan negara luar dalam melaksanakan program SALAM.

SALAM akan beroperasi mengikut acuan Malaysia, bagaimanapun pengalaman berguna Peace Corps, Amerika Syarikat dan yayasan-yayasan lain, seperti di Jepun dan Jerman boleh dipinjam.

Beliau yakin banyak negara akan sentiasa mengalu-alukan sukarelawan SALAM selaras dengan imej baik Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sama ada Malaysia bersedia menangani kebimbangan negara-negara luar mengenai keikhlasan sukarelawan SALAM, sebagaimana yang pernah dialami oleh Peace Corps pada suatu ketika dulu, yang mana ada pihak menganggap ia adalah usaha perisikan Amerika Syarikat, Mohd Anuar berkata:

"Kita memang bersedia oleh sebab itu kita menekankan bahawa Yayasan Salam akan kekal sebagai badan bebas bukan kerajaan dan sukarelawan SALAM bukan mewakili kerajaan," katanya sambil menambah kata SALAM hanya mendapat sokongan kerajaan untuk memudahkan urusan tugasnya.

Sementara itu Timbalan Pengerusi Pemegang Amanah Yayasan Salam, Hajah Marina Yusoff berkata, kerajaan telah memberi sumbangan RM3 juta untuk tabung yayasan itu dan sumbangan daripada badan-badan korporat lain dijangka akan meningkatkan jumlah dana yayasan itu.

Beliau berkata, yayasan itu masih dalam proses menyaring nama-nama mereka yang telah mendaftar sebagai sukarelawan SALAM untuk dikategorikan mengikut kemahiran, kepakaran dan pengalaman bagi memudahkan program penghantaran mereka untuk sesuatu tugas.

"Untuk menggalakkan lebih ramai menyertai SALAM, kita akan mencadangkan kepada badan-badan kerajaan dan swasta supaya memberi kemudahan cuti panjang kepada kakitangan yang berminat dengan khidmat sukarela SALAM dan perkhidmatan sukarela mereka itu dinilai dalam prestasi kerja," katanya.

Katanya, untuk peringkat permulaan, tumpuan khidmat sukarelawan SALAM adalah dalam negara dan hanya 15 peratus daripada sukarelawan itu akan dihantar berkhidmat di luar negara.

Khidmat untuk negara luar akan dimulakan di rantau Asean seperti di Laos, Vietnam dan Myanmar. Kemboja turut dikenal pasti sebagai negara yang akan menerima khidmat sukarelawan SALAM, tetapi pada masa ini ia mungkin ditangguhkan memandangkan keadaan keselamatan yang tidak begitu menyakinkan di negara itu.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan melancarkan yayasan itu pada 22 Julai ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan bersempena pelancaran itu satu pameran dan simposium mengenai kesukarelaan akan diadakan.

Marina berkata, pemeran itu akan dijayakan dengan bantuan pelbagai pertubuhan sukarela di negara ini dan ia akan menghimpunkan buat pertama kali satu koleksi terbesar gambar dan ilustrasi yang memaparkan sukarelawan-sukarelawan Malaysia bekerja dalam pelbagai persekitaran.

Gambar-gambar itu dirakamkan semasa usaha-usah membantu mereka-mereka yang terlibat dalam bencana alam seperti banjir di Beirut dan Bosnia oleh sukarelawan Malaysia.

"Bahan-bahan pameran membuktikan bahawa tradisi "sukarela" di Malaysia masih segar dan semangat "menjaga dan berkongsi" terus diamalkan oleh individu dan masyarakat dalam pelbagai bentuk," katanya.

Simposium mengenai kesukarelaan pula, yang akan berlangsung pada sebelah tengah hari, akan dipengerusikan Razali selaku Pengerusi Yayasan Salam.

Marina berkata, tiga kertas kerja akan dibentangkan semasa simposium ini termasuk "Yayasan Salam Aspirasi dan Objektifnya" yang akan dibentangkan oleh beliau sendiri dan "Kesukarelaan - Teori dan Amalan" oleh Encik Abdullah Malim Baginda selaku Pengarah Eksekutif Persatuan Komanwel Bagi Tindakan Tempatan dan Pembangunan Ekonomi (COMMACT) dan juga selaku anggota lembaga pemegang amanah Yayasan Salam.

Satu lagi kertas kerja ialah "Perspektif Belia Tentang Kesukarelaan" oleh Saifuddin Abdullah selaku setiausaha agung Majlis Belia Malaysia.

Pembentangan kertas kerja itu akan disusuli oleh satu sesi dialog.

Yayasan Salam kini berpejabat di No. 8, Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor. -- BERNAMA

AFY RI